

UPM

juara **BH**

kuiz

16 MEI 2003

PNB

MINGGU Saham Amanah Malaysia 2003 (MSAM) berjaya memberikan kesedaran berkenaan pelaburan, kebaikan dan konsep melabur serta menggalakkan budaya menabung di kalangan pelajar khususnya di institut pengajian tinggi (IPT).

Program yang berlangsung di Stadium Merdeka selama tujuh hari bermula 20 April lalu, dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung pelbagai lapisan masyarakat.

Bagi memberikan pemahaman yang jelas berkenaan saham amanah, program anjuran Permodalan Nasional Berhad (PNB) itu, turut memuatkan pelbagai aktiviti termasuk kuiz pelaburan, seminar perancangan kewangan, taklimat kerjaya dan pameran.

Dalam pertandingan Kuiz Pelaburan PNB kategori institusi pengajian tinggi (IPT), Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menjuarai dan membawa pulang wang tunai sebanyak RM5,000, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia kedua (RM3,000) dan Universiti Utara Malaysia (RM2,000).

UIAM diwakili empat peserta, Mohd Rizwan Habeeb Rahuman, Shahrir Mohamad Subki, Mohd Nawar Hashim dan Mohammad Shah Mubarak Khan kesemuanya penuntut tahun akhir di Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan (KEMS).

Ini adalah penyertaan kali ketiga UIAM dalam acara yang dianjurkan PNB sejak 2001 dan berjaya mara ke peringkat akhir tiga kali berturut-turut.

Pemenang pertandingan ini dipilih berdasarkan kutipan mata tertinggi, sebelum itu semua peserta dikehendaki menjawab tiga soalan wajib dan jumlah mata tertinggi dikumpul melayakkan tiga pasukan terbaik mara ke peringkat akhir.